



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA (DR.) HJ. SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN
BANTUAN PERSEKOLAHAN SEKOLAH RENDAH
SUMBANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA SESI AKADEMIK
2022 DAN PELANCARAN PROGRAM SENTUHAN KASIH
KETUA MENTERI UNTUK CALON-CALON SPM 2021**

**TARIKH: 10 FEBRUARI 2022 (KHAMIS), JAM: 3.00 PETANG
AMVERTON HERITAGE RESORT, AYER KEROH MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera, dan Salam Melakaku Maju Jaya,
Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.**

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis;

(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)

Tuan-tuan, Puan-puan dan para hadirin yang dikasihi sekalian;

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana pada petang yang berkat dan bermakna ini, dengan izin-Nya, maka diperkenankan kita untuk hadir di Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Sekolah Rendah Sumbangan Kerajaan Negeri Melaka Sesi Akademik 2022 dan Pelancaran Program Sentuhan

Kasih Ketua Menteri Bersama-Sama Calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021.

2. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) kerana meneruskan legasi dan kesinambungan tradisi sejak tahun 2000 bagi membantu dan membela nasib para pelajar terutamanya mereka yang memerlukan bantuan dan kurang berkemampuan. Saya percaya bantuan ini akan meningkatkan semangat dan motivasi para

pelajar supaya lebih gigih dalam menuntut ilmu pada sesi akademik 2022 yang akan datang.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

3. Selain daripada Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Sekolah Rendah Sumbangan Kerajaan Negeri Melaka Sesi Akademik 2022, Kerajaan Negeri juga prihatin terhadap calon-calon SPM sesi akademik 2021 yang akan mula menduduki peperiksaan bermula 2 Mac 2022 hingga 29 Mac 2022. Tentunya anak-anak kita ini mengalami

kesukaran dan gangguan proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka akibat pandemik COVID-19.

4. Justeru, Kerajaan Negeri melalui (TAPEM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka (JPNM) akan menganjurkan Program Sentuhan Kasih Ketua Menteri bersama-sama calon SPM 2021 pada 14 Februari 2022 hingga 17 Februari 2022. Program ini merupakan program pecutan akhir SPM sesi akademik 2021 yang bakal diadakan secara maya.

5. Saya difahamkan, seramai **11,355** calon SPM sesi akademik 2021 di seluruh Negeri Melaka akan terlibat dalam Program Sentuhan Kasih Ketua Menteri pada tarikh-tarikh tersebut. Fokus program ini tertumpu kepada tiga subjek teras utama iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik. Program ini akan dikendalikan oleh guru-guru pakar dan guru cemerlang yang dipilih khas oleh Jabatan Pendidikan Negeri Melaka (JPNM). Saya berdoa semoga program ini berjalan lancar dan semua calon SPM kita akan menduduki peperiksaan ini dengan selamat dan

bersemangat, seterusnya memperoleh kejayaan cemerlang nanti. Insya-Allah.

Tuan-tuan, Puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian;

6. Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Sekolah Rendah Sumbangan Kerajaan Negeri Melaka Sesi Akademik 2022 pada hari ini adalah selari dengan matlamat menyuntik dorongan dan motivasi kepada para pelajar untuk mengekalkan momentum

kecemerlangan dalam bidang kurikulum, kokurikulum dan sahsiah diri.

7. Suka saya tekankan di sini bahawa Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memastikan pelaksanaan pelbagai program dan dasar pembangunan termasuklah dalam bidang pendidikan. Semuanya ini diharapkan mampu memberi manfaat kepada seluruh rakyat khususnya kepada para pelajar yang menjadi modal insan berkualiti Negeri Melaka pada masa hadapan.

8. Kerajaan Negeri Melaka sentiasa meletakkan kepentingan pendidikan sebagai agenda utama dalam proses pembangunan dan transformasi negeri. Ini selari dengan hasrat untuk menjadikan Negeri Melaka sebagai hab pendidikan yang tersohor di negara dan di rantau ini.
9. Bagi merealisasikan hasrat dan membuktikan komitmen kerajaan terhadap pembangunan pendidikan dan kebajikan rakyat, Kerajaan Negeri Melaka telah menyediakan pelbagai bantuan melalui TAPEM. Sejak tahun 2000 sehinggalah ke hari ini,

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan hampir **RM 300 juta** untuk pendidikan anak-anak Melaka.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

10. Untuk hari ini sahaja, Kerajaan Negeri melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM 500,000.00** seperti yang telah saya umumkan dalam Bajet 2022 Negeri Melaka, baru-baru ini. Peruntukan ini melibatkan **2,500** orang pelajar dari **241 sekolah** melibatkan **28 DUN** dan **6 kawasan Parlimen** di

seluruh Negeri Melaka. Sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Negeri, bajet bantuan persekolahan sekolah rendah telah ditingkatkan daripada **RM150 seorang** sebelum ini kepada **RM200 seorang** mulai sesi akademik 2022.

11. Berikut adalah pecahan penerima bantuan persekolahan sekolah rendah mengikut parlimen pada petang ini.

Bil.	Parlimen	Jumlah penerima	Peruntukan (RM)
1	Alor Gajah	481	96,200.00
2	Masjid Tanah	354	70,800.00
3	Hang Tuah Jaya	228	45,600.00
4	Tangga Batu	273	54,600.00
5	Kota Melaka	337	67,400.00
6	Jasin	430	86,000.00
Jumlah		2,103	420,600.00

12. Sehubungan itu, komitmen yang ditunjukkan oleh kerajaan ini juga jelas membuktikan kesungguhan kita dalam melaksanakan pembangunan yang seimbang. Ia sekali gus membuktikan keprihatinan kerajaan dalam membela dan memperjuangkan nasib seluruh rakyat khususnya di negeri ini.

13. Pihak sekolah perlu melangkah sederap dan bergerak seiring, untuk menentukan kejayaan anak-anak. Sesungguhnya, pelajar pada hari ini merupakan aset paling berharga bagi negara kerana mereka adalah

tiang negara dan bakal pemimpin pada masa hadapan.

14. Asuhan, bimbingan dan dorongan dalam segenap aspek kehidupan dari peringkat awal amat penting. Pencapaian mereka dari segi akademik sahaja tidak memadai kerana pembangunan dan perkembangan yang tinggi dalam aspek keperibadian juga perlu diberi perhatian. Proses membentuk mereka supaya memiliki peribadi unggul, berilmu dan berkemahiran seharusnya disulam dengan kemantapan kerohanian. Kita berharap dapat melahirkan anak-anak Melaka

yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Tuan-tuan, Puan-puan dan para hadirin yang saya hormati sekalian;

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi tahniah diucapkan kepada Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) kerana berjaya menganjurkan majlis bantuan ini. Harapan saya agar sekolah-sekolah di Negeri Melaka akan terus

mencipta dan mengukir kejayaan dalam semua bidang yang diceburi.

16. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Bantuan Persekolahan Sekolah Rendah Sumbangan Kerajaan Negeri Melaka Sesi Akademik 2022 dan Pelancaran Program Sentuhan Kasih Ketua Menteri Bersama-Sama Calon SPM 2021** pada 14 Februari 2022 hingga 17 Februari 2022.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah,
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Wassalamualaikum

-TAMAT-